

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 02.08.2024 MASA: 10.04 AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' HJ. BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMANDULAN  
BERSUBSIDI MEGA (*SPAYTHOM*) 2024**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**3 OGOS 2024 (SABTU)**

**9.40 PAGI**

**CONCEPT HALL  
JURU AUTO CITY**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat*

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Azam Khan Bin Goriman Khan**

Pengarah Program Veterinary Advance Learning Centre

**Yang Berbahagia Dr Mohammad Alkis Bin Azmi**

Penolong Pengarah Perkhidmatan Kesihatan (Bahagian Veterinar)

**Yang Berbahagia Encik Gary Teoh**

The Founder and Managing Director of Auto-City Group Penang

**Yang Berbahagia Puan Ong Bee Lee**

Director of Auto-city Group Penang

**Yang Dihormati Barisan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Perasmian Program Pemandulan Bersubsidi Mega (*Spaython*) 2024 di Concept Hall, Juru Auto City. Program ini merupakan Program Kembiri Bersubsidi Mega yang julung kali dianjurkan oleh MBSP di Seberang Perai dengan melibatkan kerjasama strategik dengan agensi swasta iaitu Empire Vet Sdn Bhd dan penaja lokasi program iaitu pihak Autocity Juru.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Prof. Dr. Mohd Azam Khan bin Goriman Khan, Pengarah Program Veterinary Advance Learning Centre yang mewakili Empire Vet Sdn Bhd. kerana sudi hadir dan melibatkan diri dalam Program Kembiri Bersubsidi Mega. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga diucapkan kepada urus setia dan semua jabatan yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini.
3. Program Pemandulan Bersubsidi Mega (*Spaython*) 2024 merupakan salah satu strategi di dalam pelaksanaan pelan strategik haiwan terbaik Majlis Bandaraya Seberang Perai yang memberikan fokus

kepada pengembiran sebagai kaedah berkesan dalam menangani masalah lebihan populasi haiwan terbiar terutama sekali anjing dan kucing dalam mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif buat masyarakat di Seberang Perai.

4. Pihak MBSP telah memperuntukan subsidi sebanyak RM100 untuk anjing dan RM60 untuk kucing dimana jumlah yang perlu ditanggung oleh pemilik adalah rendah iaitu RM40 untuk anjing jantan, RM80 untuk anjing betina, RM20 untuk kucing jantan dan RM40 untuk kucing betina. Inisiatif program ini juga dilakukan bagi memberikan perkhidmatan pemandulan bermutu tinggi dengan harga mampu milik kepada masyarakat dan NGO setempat khususnya di Seberang Perai.
5. Tujuan diadakan Program Kembiri Bersubsidi Mega ini adalah untuk memberi kesedaran kepada individu dan masyarakat mengenai pemandulan haiwan kesayangan sebagai satu langkah kawalan populasi jangka masa panjang yang berkesan. Sekiranya haiwan kesayangan ini tidak dimandulkan, populasi haiwan akan terus membiak dan tidak terkawal. Apabila berlaku kelahiran yang tidak dikehendaki atau dirancang, maka haiwan kesayangan ini dibuang di jalanan. Seterusnya menjadi kucing terbiar di tempat awam. Selain itu,

program ini juga boleh mengukuhkan pemahaman masyarakat mengenai penjagaan dan kebijakan haiwan kesayangan.

6. Di samping program pemandulan ini, promosi pelesenan anjing juga dilaksanakan pada hari ini, yang memudahkan pemilik mendapatkan lesen anjing secara *walk-in* semasa program berlangsung serta menggalakkan pemilik anjing melesenkan anjing yang dipelihara mengikut syarat-syarat yang digariskan.
7. MBSP dengan berbesar hati memilih Empire Vet Sdn Bhd dan pihak Autocity sebagai rakan strategik Program *Spaython* 2024. Program ini diketuai oleh Empire Vet Sdn. Bhd. yang akan mengendalikan kesemua pembedahan pengembiran di bawah program ini di atas keupayaan mereka menyediakan lebih daripada lapan (8) orang doktor veterinar berdaftar dan lima (5) orang pembantu doktor veterinar, serta membekalkan peralatan pembedahan, kepakaran dan keupayaan dalam mengendali pemandulan berskala besar.
8. Bagi penyediaan tempat dan logistik, MBSP memilih pihak Autocity di atas ketersediaan fasiliti dan kemudahan yang sedia ada selaras dengan keperluan bagi program pemandulan. Pihak Autocity turut membawa beberapa vendor berkaitan haiwan untuk sama-sama memeriahkan program pada kali ini.

9. Antara aktiviti-aktiviti utama yang diadakan selama dua hari ini, adalah:-
- i. Pemandulan anjing dan kucing (200 ekor) secara *in situ* oleh doktor-doktor veterinar berdaftar.
  - ii. Pemeriksaan asas kesihatan haiwan kesayangan.
  - iii. Pelesenan Anjing MBSP.
  - iv. Jualan Vendor Haiwan Kesayangan.
  - v. Ceramah kesedaran haiwan.
10. Saya amat berharap agar Program Pemandulan Bersubsidi Mega (*Spaython*) 2024 ini berjaya memberi kesedaran kepada pemilik haiwan dalam memastikan kebajikan haiwan serta keperluan persekitaran.
11. Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan **Program Pemandulan Bersubsidi Mega (*Spaython*) 2024**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***